

Perbezaan Faktor Mengikuti Kursus, Kemahiran Tenaga Pengajar, dan Objektif Kursus Berdasarkan Tahap Pengalaman Berniaga Peserta empowerNCER Daerah Kulim dan Bandar Baharu 2023

Nurul Husna Mohammad Taib* dan Siti Aishah Nayan

Kolej Komuniti Kulim

*Pengarang perantara: nurulhusna@kkkulim.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan tahap faktor mengikuti kursus, kemahiran tenaga pengajar dan objektif kursus peserta *empowerNCER* Daerah Kulim dan Bandar Baharu bagi tahun 2023. Keberkesanan kursus ditentukan melalui ketiga-tiga faktor ini berdasarkan faktor pengalaman bermiaga. Metadologi menggunakan soal selidik di atas talian telah dijalankan terhadap 138 orang peserta di bawah kategori Kursus Jahitan Dan Rekabentuk Fesyen (35), Kursus Urutan Dan Penjagaan Selepas Bersalin (37), Kursus Baik Pulih Telefon Bimbit (15), Kursus Pembuatan Dan Pemprosesan Produk Hiliran (33) serta Kursus Multimedia Kreatif Dan Pencipta Kandungan Kreatif (34). Hasil dapatan ANOVA menunjukkan bahawa peserta yang bermiaga lebih dari 5 tahun mempunyai tahap sebab mengikuti kursus yang tinggi, sebaliknya peserta yang bermiaga 2 – 3 tahun memilih tahap kemahiran tenaga pengajar dan objektif kursus yang tinggi dalam mengukur tahap keberkesanan kursus. Hasil kajian menunjukkan wujudnya perbezaan yang signifikan berdasarkan peringkat pengalaman bermiaga di mana nilai signifikan bagi aspek objektif kursus dan kemahiran tenaga pengajar.

Kata Kunci: Faktor Mengikuti Kursus; Kemahiran Tenaga Pengajar; Kolej Komuniti; Kursus Pendek; Objektif Kursus.

1.0 Pengenalan

Revolusi Industri 4.0 telah membawa perubahan besar dalam pelbagai bidang, menuntut setiap individu untuk bijak menyesuaikan diri dengan peralihan teknologi dan inovasi yang berlaku. Tuntutan ini bukan sahaja untuk kepentingan peribadi, tetapi juga untuk meningkatkan organisasi dan masyarakat secara keseluruhannya. Peningkatan ini melibatkan pemahaman dan kemahiran teknologi baru serta penyesuaian kepada kaedah kerja yang lebih efektif. Dengan demikian setiap individu, organisasi, dan masyarakat perlu berusaha untuk mengikuti perkembangan ini bagi memastikan mereka tidak ketinggalan dalam arus globalisasi yang semakin mencabar (Alhidayatullah & Aziz, 2022). Begitu juga dalam dunia perniagaan yang sedang mengalami kesan Revolusi Industri 4.0, kejayaan sesebuah syarikat bergantung kepada keupayaannya menyesuaikan diri dengan perubahan semasa, agar matlamat syarikat dapat dicapai mengikut perancangan (Martah, 2017). Kaedah yang digunakan untuk mencapai matlamat ini bukan sahaja ditentukan oleh saiz dana operasi, kecanggihan teknologi, kemudahan dan infrastruktur yang ada, tetapi juga bergantung kepada aspek sumber manusia (Prasetyani, 2021).

Peserta merupakan elemen penting dalam memastikan keberkesanan kursus kerana manusia adalah yang menggerakkan aktiviti di dalamnya. Prestasi peserta kadangkala tidak selalu bertambah baik walaupun selepas mengikuti latihan. Keadaan ini berpunca daripada keberkesanan penganjuran kursus dengan beberapa elemen iaitu kesesuaian peserta yang mengambil bahagian, kaedah penyampaian tenaga pengajar dan objektif kursus (Nurdiana Dihan & Pratama, 2018).

Dengan mengiktiraf pentingnya kesedaran dan komitmen peserta terhadap pembelajaran jangka pendek, langkah-langkah seperti meningkatkan aksesibiliti kepada pendidikan TVET, memperkenalkan program-program pendidikan yang relevan dengan keperluan industri, serta meningkatkan sokongan dan bantuan kewangan untuk pendidikan vokasional boleh diambil untuk memupuk minat dan penglibatan belia dalam program-program ini. Kajian oleh Muhammad Shafiq dan Noraini (2018) menegaskan peranan penting institusi TVET dalam pembangunan modal insan negara. Institusi pendidikan terus dibiayai oleh kerajaan, dengan keyakinan bahawa pendidikan adalah alat utama untuk mencapai kemajuan sesuai dengan kehendak dan aspirasi masyarakat. Kajian ini juga menekankan kepentingan kesedaran dan komitmen individu terhadap pembelajaran vokasional dalam mencapai matlamat pembangunan sumber manusia yang berkesan.

NCER telah menyediakan program Pembangunan Bakat merangkumi 3 tahap iaitu Berkemahiran Tinggi, Separa Mahir dan Bakat Masa Depan. Kolej Komuniti Kulim (KKKU) diberi tanggungjawab untuk melatih peserta pada tahap Separa Mahir dalam kategori *empowerNCER* kebolehpasaran tenaga kerja melalui bimbingan kemahiran TVET. KKKU telah dipertanggungjawabkan untuk melatih 154 orang peserta yang terdiri daripada 5 kluster iaitu Kursus Jahitan dan Rekabentuk Fesyen (35), Kursus

Urutan dan Penjagaan Selepas Bersalin (37), Kursus Baik Pulih Telefon Bimbit (15), Kursus Pembuatan dan Pemprosesan Produk Hiliran (33) serta Kursus Multimedia Kreatif dan Pencipta Kandungan Kreatif (34) dengan setiap satunya mengandungi 10 siri.

Penyelidikan yang dijalankan oleh (Baharuddin, 2020; Soetedjo, Mei Indrawati & Hidayat, 2019; Hartomo, Nurul Khastelia; Luturlean, 2020) menjelaskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kursus yang dihadiri dan peningkatan hasil kerja. Tetapi kajian daripada (Mayliza, Riri dan Wahyuni, 2022; Prasetyo & Nugraheni, 2020) menyatakan bahawa tidak ada hubungan yang signifikan antara penyertaan dalam kursus dengan keberkesanannya. Penyelidikan tentang penyertaan dalam kursus dengan keberkesanannya telah banyak dilakukan, tetapi kajian ini memfokuskan kepada keberkesanannya kursus yang boleh dilakukan ialah kemahiran tenaga pengajar, kesesuaian peserta kursus, kaedah penyampaian dan objektif kursus (Nursyahputri & Saragih, 2019).

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap kepuasan peserta dalam kalangan peserta *empowerNCER* berdasarkan faktor mengikuti kursus, mengkaji tahap kepuasan peserta dalam kalangan peserta *empowerNCER* berdasarkan faktor kemahiran tenaga pengajar dan mengkaji tahap kepuasan peserta dalam kalangan peserta *empowerNCER* berdasarkan faktor objektif kursus. Seterusnya mengenal pasti hubungan faktor-faktor tersebut terhadap keberkesanannya kursus berdasarkan faktor pengalaman berniaga peserta *empowerNCER* Daerah Kulim dan Bandar Baharu 2023. Hipotesis kajian HO₁: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan faktor mengikuti kursus terhadap keberkesanannya kursus berdasarkan faktor pengalaman berniaga. HO₂: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran tenaga pengajar terhadap keberkesanannya kursus berdasarkan faktor pengalaman berniaga. HO₃: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan objektif kursus terhadap keberkesanannya kursus berdasarkan faktor peningkatan pendapatan.

2.0 Sorotan Kajian

Sorotan kajian terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanannya kursus meliputi aspek yang berbeza-beza seperti faktor mengikuti kursus, kemahiran tenaga pengajar dan objektif pelaksanaan kursus.

Dhakal (2020) menyatakan bahawa beberapa faktor iaitu sekolah, faktor pelajar, dan faktor ibu bapa yang mempengaruhi prestasi akademik pelajar. Dalam konteks kajian ini, faktor-faktor tersebut disamakan dengan faktor peserta *empowerNCER* mengikuti kursus. Ini menunjukkan bahawa faktor mengikuti kursus oleh peserta boleh dikira sebagai halangan dalam proses pembelajaran, di mana pembelajaran PSH memerlukan keinginan untuk belajar daripada peserta itu sendiri. Peserta kursus yang mengikuti kursus telah ditapis oleh urusetia *empowerNCER* bagi menetukan kursus yang sesuai dengan keperluan perniagaan dalam usaha meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja. Kenyataan ini disokong kajian oleh (Wulandari, 2020) di mana peserta yang dipilih oleh institusi untuk mengikuti kursus hendaklah disaring terlebih dahulu berdasarkan kriteria tertentu yang bersesuaian

dengan kelayakannya. Peserta yang mempunyai sikap positif seperti kesedaran tentang pentingnya ilmu kemahiran dipelajarinya, maka peserta berkenaan akan cuba menguasai ilmu tersebut dengan pelbagai cara. Kesimpulannya bahawa para pelajar mempunyai sikap yang positif, bersedia untuk belajar dan bermotivasi tinggi akan berjaya menguasai sasaran dan begitulah sebaliknya (Zaliza dan Zaitul Azma, 2013).

Dalam kajian Atchia dan Chinapah (2019) telah menyatakan bahawa salah satu aspek yang ditekankan adalah ahli yang berkelayakan untuk mengajar bidang kemahiran yang ditetapkan. Dapatkan kajian daripada pelajar sekolah menengah di Mauritius, kesemua faktor memberi kesan positif kepada pencapaian akademik. Faktor-faktor yang dikenalpasti ialah kemasyarakatan dan ekonomi, famili, pentadbiran kolej, faktor pelajar, dan faktor tenaga pengajar itu sendiri. Selain itu, Mushtaq dan Khan (2012) mendapati bahawa perhubungan, kemudahan pembelajaran, serta tunjuk ajar yang terpandu dan mempunyai hubungan positif yang signifikan terhadap keberkesanan kursus. Kemahiran mengajar perlu mempunyai perancangan teratur, penyampaian mengikut menarik dan mengikut modul dirancang, bimbingan serta pengukuhan yang berterusan (Noraini, 2021; Kamarul Azmi dan Ab. Halim; 2007, Ab. Halim Tamuri, 2010). Seorang tenaga pengajar berperanan penting dalam kejayaan program latihan (Nursyahputri & Saragih, 2019). Menurut (Hasibuan, 2016 dan Aprilia, 2020), pengajar adalah seseorang yang memberikan latihan dan pendidikan kepada peserta. Tenaga pengajar memiliki peranan yang sangat penting dalam memberikan motivasi kepada peserta untuk mengikuti kursus (Eldyani & Wardoyo, 2018). Kesimpulannya, keperluan sebagai seorang tenaga pengajar harus memiliki kemahiran mengajar, komunikasi yang berkesan, kewibawaan peribadi, kemahiran sosial dan emosi yang stabil.

Objektif kursus, pentadbiran kolej, kaedah penyampaian, dan fasiliti kolej menyumbang kepada hasil kursus (Mahato, 2018). Kandungan kursus diperlukan untuk mencapai hasrat yang telah dirancangkan (Mokhtar & Susilo, 2017). Kandungan kursus yang disampaikan dalam kursus harus sesuai dengan keperluan peserta kursus (Nursyahputri & Saragih, 2019). Kaedah pelaksanaan kursus mesti disesuaikan dengan jenis kursus yang akan dilaksanakan (Aprilia, 2020). Menurut (Dessler, 2017 dan Wulandari, 2020), kaedah pelaksanaan kursus yang sesuai digunakan adalah usaha memberikan peserta tentang kemahiran dan pengetahuan berkaitan pekerjaan dilakukan. Objektif kursus merupakan faktor terhadap masalah yang dihadapi oleh pekerja atau syarikat dalam meningkatkan kemahiran yang diperlukan bagi menyokong suatu pekerjaan (Bali et al., 2021). Objektif kursus adalah pemenuhan keperluan sumber manusia, produktiviti dan kualiti yang telah ditetapkan oleh syarikat (Darmawati, 2019). Berdasarkan beberapa pandangan yang telah dikemukakan, objektif kursus dalam kajian ini didefinisikan Kolej Komuniti Kulim telah menyediakan objektif kursus yang memenuhi keperluan peserta sebagai usaha untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh peserta *empowerNCER*.

Keberkesanan kursus merupakan hasil kerja secara kualiti dan kuantiti yang dicapai oleh seorang peserta dalam melaksanakan tugas-tugas yang dibebankan kepadanya sesuai dengan tanggung jawab, pengalaman, kesungguhan serta ketepatan waktu (Pratama, 2020 dan Supardi & Yusman, 2021). Keberkesanan kursus juga merupakan hasil kerja yang dicapai oleh peserta dalam melaksanakan tugas yang dibebankan kepadanya berdasarkan kecekapan, pengalaman, kesungguhan, dan ketepatan waktu (Hasibuan, 2016). Keberkesanan hasil kursus merupakan gabungan kemampuan, sikap, dan minat seorang peserta (Hakim, 2017). Pembuktian ini disokong oleh kajian (Muhamad Shafiq & Noraini, 2018) menyatakan bahawa faktor-faktor seperti kaedah penyampaian, pendekatan pengajaran tenaga pengajar, serta sikap peserta sendiri turut mempengaruhi keberkesanan kursus.

3.0 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif populasi dan sampel , bagi menentukan jumlah data yang diperlukan dan mengkaji masalah didapati. Soal selidik diedarkan menggunakan *Google Form*, dan pengkaji berjaya memperoleh 138 responden daripada 154 peserta. Soal selidik yang digabungkan bagi mengukur pemboleh ubah keberkesanan kursus terdiri daripada 16 item yang mewakili tiga sub konstruk, iaitu 6 item bagi sub konstruk faktor mengikuti kursus, 5 ciri-ciri fasilitator atau kemahiran tenaga pengajar dan 6 item bagi sub konstruk objektif kursus. Soal selidik Bahagian B hingga E menggunakan skala Likert lima kategori. Gabungan soal selidik Idris, N. A. H., & Selvaratnam, D. P. (2012) dan Alhidayatullah, A., Sudarma, A., & Amal, M. K. (2023) telah diadaptasi dan diubahsuai bagi mengukur pembolehubah keberkesanan kursus. Manakala data telah dianalisis dalam bentuk deskriptif dengan menggunakan analisis ANOVA, frekuensi, peratus dan min. Kajian ini hanya terbatas kepada peserta kursus *empower NCER* 2023 bagi Daerah Kulim dan Bandar Baharu.

4.0 Analisis dan Perbincangan

Jadual 1: Statistik Kebolehpercayaan

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	Bil item
.906	.937	21

SPSS 29.0 merupakan alat pengukuran bagi menguji ketepatan soal selidik di mana nilai alpha keseluruhan $r = 0.906$. Ini disokong oleh Chua (2020), nilai koefisien antara 0.7 hingga 0.8 menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi. Analisis profil responden berdasarkan Bahagian A soal selidik meliputi jantina, umur, kelulusan tertinggi, pengalaman berniaga, jenis premis perniagaan, jenis kursus yang disertai, dan paras pendapatan selepas menyertai kursus. Responden kajian ini terdiri daripada 138 peserta kursus *empower NCER* 2023 dari Daerah Kulim dan Bandar Baharu.

H0₁: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan faktor mengikuti kursus terhadap keberkesanan kursus berdasarkan faktor pengalaman berniaga.

Jadual 2: Analisis Diskriptif Faktor Mengikuti Kursus

	N	Min	Sisihan	Minimum	Maximum
			Piawai		
Kurang 1 tahun	63	3.6762	.45070	2.60	4.40
2 - 3 tahun	34	3.7471	.50527	3.00	5.00
Lebih 5 tahun	41	3.7659	.48560	2.20	5.00
Total	138	3.7203	.47325	2.20	5.00

Jadual 2 menunjukkan skor min faktor mengikuti kursus terhadap keberkesanan kursus berdasarkan faktor pengalaman berniaga. Faktor mengikuti kursus terhadap keberkesanan kursus berdasarkan faktor pengalaman berniaga pada tempoh lebih 5 tahun mencatatkan skor min tertinggi ($M=3.77$, $SP=0.486$), diikuti dengan pengalaman pada 2 – 3 tahun ($M=3.75$, $SP=0.505$) dan pengalaman kurang 1 tahun mencatatkan skor min tahap pengalaman berniaga paling rendah terhadap keberkesanan kursus ($M=3.68$, $SP=0.451$).

Jadual 3: Perbezaan faktor mengikuti kursus terhadap keberkesanan kursus berdasarkan faktor pengalaman berniaga

Jumlah kuasa dua (Sum of Squares)	df	Min kuasa dua (Mean Square)	F	Sig.
Antara Kumpulan	.232	2	.116	.514
Dalam Kumpulan	30.451	135	.226	
Jumlah	30.683	137		

Keputusan analisis ANOVA satu hala menunjukkan perbezaan faktor mengikuti kursus antara 3 tahap pengalaman berniaga iaitu pada tahap $F(2,135) = 0.514$, $p=0.599$. Hasil menunjukkan aras signifikan 0.599 adalah lebih besar daripada nilai signifikan $p>0.05$. Hal ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan faktor mengikuti kursus menggunakan keberkesanan kursus berdasarkan pengalaman berniaga. Hasil dapatkan ini menjelaskan bahawa faktor pengalaman berniaga bukanlah faktor utama yang dapat mempengaruhi peserta mengikuti kursus terhadap keberkesanan pelaksanaan kursus. Terdapat faktor lain seperti kemahiran tenaga pengajar dan objektif kursus yang boleh mempengaruhi peserta empower NCER sama ada untuk mengikuti kursus ataupun tidak.

Jadual 4: Analisis Diskriptif Kemahiran Tenaga Pengajar

	N	Min	Sisihan	Minimum	Maximum
			Piawai		
Kurang 1 tahun	63	4.3968	.61852	3.00	5.00
2 - 3 tahun	34	4.6412	.52750	2.80	5.00
Lebih 5 tahun	41	4.6244	.49839	3.00	5.00
Total	138	4.5246	.57144	2.80	5.00

HO₂: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran tenaga pengajar terhadap keberkesanan kursus berdasarkan faktor pengalaman berniaga.

Jadual 4 menunjukkan skor min faktor kemahiran tenaga pengajar terhadap keberkesanan kursus berdasarkan faktor pengalaman berniaga. Faktor kemahiran tenaga pengajar terhadap keberkesanan kursus berdasarkan faktor pengalaman berniaga pada tempoh 2-3 tahun mencatatkan skor min tertinggi ($M=4.64$, $SP=0.528$), diikuti dengan pengalaman lebih 5 tahun ($M=4.62$, $SP=0.498$) dan pengalaman kurang 1 tahun mencatatkan skor min tahap pengalaman berniaga paling rendah terhadap keberkesanan kursus ($M=4.40$, $SP=0.619$).

Jadual 5: Perbezaan kemahiran tenaga pengajar terhadap keberkesanan kursus berdasarkan faktor pengalaman berniaga

	Jumlah kuasa dua (Sum of Squares)	df	Min kuasa dua	F	Sig.
			(Mean Square)		
Antara Kumpulan	1.899	2	2.000	2.992	.054
Dalam Kumpulan	42.837	135	.338		
Jumlah	44.736	137			

Keputusan analisis ANOVA satu hala menunjukkan perbezaan faktor mengikuti kursus antara 3 tahap pengalaman berniaga iaitu pada tahap $F(2,135) = 2.992$, $p=0.054$. Hasil menunjukkan aras signifikan 0.05 adalah sama dengan nilai signifikan $p<0.05$. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan tahap keberkesanan kursus dalam kemahiran tenaga pengajar berdasarkan pengalaman berniaga menandakan perbezaan dalam persepsi mereka terhadap kemahiran tenaga pengajar berdasarkan pengalaman berniaga mereka.

HO₃: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan objektif kursus terhadap keberkesanan kursus berdasarkan faktor peningkatan pendapatan

Jadual 6 menunjukkan skor min faktor objektif kursus terhadap keberkesanan kursus berdasarkan faktor pengalaman berniaga. Faktor objektif kursus terhadap keberkesanan kursus berdasarkan faktor pengalaman berniaga pada 2 – 3 tahun mencatatkan skor min tertinggi ($M=4.64$, $SP=0.528$), diikuti dengan lebih 5 tahun ($M=4.61$, $SP=0.545$) dan pengalaman berniaga bawah 1 tahun mencatatkan skor min tahap objektif kursus terhadap keberkesanan kursus ($M=4.28$, $SP=0.651$).

Jadual 6: Analisis Diskriptif Objektif Kursus

	N	Min	Sisihan Piawai	Sisihan Piawai	
				Minimum	Maximum
Kurang 1 tahun	63	4.283 1	.65146	2.83	5.00
2 - 3 tahun	34	4.637 3	.52780	3.33	5.00
Lebih 5 tahun	41	4.613 8	.50338	3.00	5.00
Total	138	4.468 6	.60195	2.83	5.00

Jadual 7: Perbezaan objektif kursus terhadap keberkesanan kursus berdasarkan faktor pengalaman berniaga

	Jumlah kuasa dua (Sum of Squares)	df	Min kuasa dua (Mean Square)	F	Sig.
Antara Kumpulan	4.000	2	2.000	5.916	.00 3
Dalam Kumpulan	45.641	135	.338		
Jumlah	49.642	137			

Keputusan analisis ANOVA satu hala menunjukkan perbezaan faktor objektif kursus antara 3 tahap pengalaman berniaga iaitu pada tahap $F(2,135) = 5.916$, $p=0.003$. Hasil menunjukkan aras signifikan 0.003 adalah lebih kecil daripada nilai signifikan $p<0.05$. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan tahap objektif kursus terhadap keberkesanan kursus berdasarkan pengalaman berniaga. Ini bermaksud bahawa peserta dengan pengalaman berniaga yang lebih lama cenderung memberikan skor yang lebih tinggi untuk objektif kursus, menandakan mereka menemukan kursus lebih relevan atau bermanfaat dibandingkan peserta dengan pengalaman berniaga yang kurang.

5.0 Rumusan dan Cadangan

Dapat disimpulkan bahawa kursus pendek merupakan kursus yang masih relevan bagi pembangunan profesional dan peningkatan kemahiran dalam pelbagai bidang. Kunci kepada keberkesanan kursus pendek ialah objektif kursus di mana Kolej Komuniti Kulim perlu identifikasi keperluan peserta dan matlamat peserta kursus yang menyertai juga perlu jelas. Ini melibatkan kajian menyeluruh terhadap sasaran audiens, kemahiran atau pengetahuan yang perlu ditingkatkan, dan hasil yang diharapkan selepas mengikuti kursus. Dengan memastikan bahawa kursus direka dengan tepat untuk memenuhi keperluan ini, peserta akan lebih cenderung melihat nilai yang jelas dalam pengalaman pembelajaran mereka.

Sokongan dan maklum balas berterusan adalah kunci dalam memastikan peserta merasakan nilai dalam pengalaman pembelajaran mereka. Tenaga pengajar perlu memiliki pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pengkhususan mereka. Mereka juga perlu memiliki kekuatan untuk menarik minat dan tumpuan peserta kursus, serta mampu mencipta suasana pembelajaran yang efektif. Sikap keprihatinan terhadap kebajikan peserta kursus, termasuk memperhatikan masalah pembelajaran yang mungkin timbul. Kemahiran dalam mengawal suasana pembelajaran dengan baik dan berkesan, serta tahap keyakinan diri yang tinggi semasa mengendalikan sesi, turut menjadi faktor penting dalam memastikan keberkesanan proses pembelajaran.

Hasil dapatan kajian, penyelidik mencadangkan beberapa langkah dapat diambil supaya kursus empower NCER dapat ditingkatkan keberkesanan dan memberikan nilai tambah yang signifikan kepada peserta, sekaligus menyumbang kepada pembangunan modal insan yang lebih baik.

- i. Pihak empowerNCER dapat memastikan peserta yang dipilih telah memiliki pengalaman berniaga mengikuti modul kursus. Ini penting supaya kesesuaian kursus boleh disediakan untuk mereka samaada asas atau lanjutan yang sesuai dengan tahap keperluan mereka.
- ii. Pihak KKU menyediakan tenaga pengajar yang mempunyai kemahiran mengajar serta memiliki pengetahuan terkini dalam bidang pengkhususan mereka untuk menarik minat peserta dan memastikan pembelajaran yang berkesan
- iii. Pihak empowerNCER dan KKU melakukan kajian keperluan secara berkala untuk memastikan objektif kursus selaras dengan perkembangan industri dan keperluan peserta. Objektif kursus perlu disampaikan dengan jelas kepada peserta pada awal kursus.

Rujukan

- Adarbah, H. Y., & Goode, M. M. H. (2022). Key Demand Factors in Professional Business Courses: A Mixed-Methods Study. *Journal of Business, Communication & Technology*, 1(2), 44–53.
<https://doi.org/10.56632/bct.2022.1205>

- Baker, D. M. A., & Marquis, G. (2021). An Examination of the Factors Leading to Students' Preference and Satisfaction with Online Courses. *International Journal for Business Education*, 161(1). <https://doi.org/10.30707/ijbe161.1.1648090824.279374>
- Benligiray, S., & Onay, A. (2017). Analysis of performance factors for accounting and finance related business courses in a distance education environment. *Turkish Online Journal of Distance Education*, 18(3), 16–46. <https://doi.org/10.17718/tojde.328928>
- Berdasarkan, P. (2020). *Kajian Persepsi Peserta Latihan Khas Kluster kursus Latihan Khas Video editing (Filmora), kursus Latihan Khas Adobe program KLKKP iaitu aspek pendidikan yang terdiri daripada 3 konstruk*. 4(1), 30–40.
- BUSINESS INSTRUCTOR AND ENTREPRENEUR_ EXPLORING THE CONNECTIONS _ EPRA International Journal of Economic and Business Review(JEBR).pdf.* (n.d.).
- Derapa, N. F., & Mohamed, S. (2018). Kesediaan Guru Pendidikan Khas dalam Melaksanakan Mata Pelajaran Asas Tanaman. In *Jurnal ORTOPEDAGOGIA* (Vol. 4, Issue 1, pp. 66–71). <https://doi.org/10.17977/um031v4i12018p066>
- Hernández, A. B., Gorjup, M. T., & Cascón, R. (2010). The role of the instructor in business games: A comparison of face-to-face and online instruction. *International Journal of Training and Development*, 14(3), 169–179. <https://doi.org/10.1111/j.1468-2419.2010.00350.x>
- Jia Chzin, D. T., & Surat, S. (2021). Sorotan Literatur Bersistematik : Faktor-Faktor Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(12), 137–157. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i12.1210>
- Kaviza, M., Pengajian, P., Dan, P., & Moden, B. (2018). Pengalaman Mengajar atau Latihan Profesional Guru dalam Mempengaruhi Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Menengah Teaching Experience or Teacher Professional Development Training in Influencing the Implementation . *EDUCATUM-Journal of Social Science (EJOSS)*, 4, 40–46.
- Keusahawanhan, E. K., Keusahawanhan, A., Elemen, P., Pelatih, G., Rbt, B., Teachers, N. P., Z, A. W., & Bentuk, R. (2024). *OJ-TP Entrepreneurial Self-Efficacy , Entrepreneurial Morality and Readiness to Apply Entrepreneurial Elements : Differences*. 9(1), 92–104.
- Marni Izzati Kamaruddin. (2020). Perbezaan tahap pengetahuan, penggunaan dan penerimaan guru Bahasa Melayu berdasarkan faktor umur dan pengalaman mengajar ketika mengaplikasikan persekitaran pembelajaran maya. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(2), 15–28.
- Masnan, S. B. A., & Mohamed, S. (2023). Tahap Pengetahuan dan Kemahiran Guru dalam melaksanakan Aktiviti Muzik dan Pergerakan terhadap Kanak-Kanak Prasekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(3), e002194. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i3.2194>
- Mohamad Rofian Ismail, A. R. G. & K. A. A. L. (2024). Faktor-Faktor Keberkesanan Pengajaran Bahasa Arab: Satu Sorotan Literatur

- Berdasarkan Kajian-Kajian Lepas. *Jurnal Afaq Lughawiyah*, 2(1), 306–322. <https://journal.unisza.edu.my/afaq>
- Nur Sabrina Aiman Mohd Rosszi, Jing, L. S., Nur Athirah Hamizah Yahya, & Nor Farahin Abdul Manap. (2024). Tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 14(1), 19–37. <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/367>
- Nurul Atikah, & Siti Aisha. (2022). *View of Effectiveness Of Halal Courses And Training For Diploma In Halal Management Students UiTM Negeri Sembilan Branch*. 27(2). <http://www.al-qanatir.com/aq/article/view/520/301>
- Pendek, K., & Ledang, K. K. (2020). *E s h r r i z r*. 2(1), 68–79.
- Satar, H. A. (2020). Peningkatan Pelajar dalam Kemahiran Berbahasa Arab Hasil Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). In *7th International Conference on Islamic Education (ICIED 2020)*.
- Sim, Q. C., Khan, A. Y., Shafee, S., Maulod, S. A., Yusof, A. T. M., & ... (2022). *Kajian Keberkesanan Kursus Kemahiran Perundingan Dan Konsultasi Untuk Pemimpin Pendidikan Dalam Talian Berdasarkan* 35(1), 45–60. <http://eprints.iab.edu.my/v2/id/eprint/1303/contents>